

# PINDAAN KEPADA PROGRAM MEMFAILKAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN (BNCP) BAGI TAHUN 2011

Perenggan 4 dipinda seperti berikut:

## 4. Mengehadkan Penggunaan Borang PDF

- i. **Ejen cukai** tidak dibenarkan mengguna borang PDF. Peraturan ini berkuat kuasa seperti berikut:

Kategori BNCP	Tarikh Kuat Kuasa
C, R, C1, TA dan TC (kecuali TR)	Mulai Tahun Taksiran 2009
B, BE, M, E, P, TP, TJ dan TF	Mulai Tahun Taksiran 2008

- ii. Penggunaan borang PDF tidak dibenarkan bagi **pembayar cukai** untuk kategori borang seperti berikut:

Kategori BNCP	Tarikh Kuat Kuasa
C, R, C1, TA dan TC (kecuali TR)	Mulai Tahun Taksiran 2010
E, P, TP, TJ dan TF	

- iii. Penggunaan secara terhad borang PDF dibenarkan kepada pembayar cukai individu yang tidak dapat datang ke pejabat LHDNM untuk meminta borang nyata:

Kategori BNCP	Tarikh Kuat Kuasa
B, BE dan M	Tahun Taksiran 2010

- iv. Penggunaan borang PDF bagi tahun-tahun taksiran sebelum tahun taksiran yang dinyatakan di atas adalah dibenarkan.
- v. Pembayar cukai yang tidak menerima borang nyata kertas yang dikeluarkan oleh LHDNM bolehlah memfailkan borang secara e-Filing.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Operasi Cukai

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Tarikh: 05 April 2011